

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13 October 2015



DR. MAHATHIR MOHAMAD (tiga, kiri) bersama (dari kiri) Shafie Apdal, Muhyiddin Yassin, Tengku Razaleigh Hamzah, Sanusi Junid dan Ong Tee Keat dalam sidang akhbar di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

Dr. M dakwa SOSMA untuk pengkritik kerajaan

PUTRAJAYA12 Okt - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mendakwa Akta Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) telah dikenakan terhadap pengkritik-pengkritik kerajaan sedangkan akta tersebut seharusnya digunakan untuk menangani Eiktiviti keganasan.

Akibatnya beliau mendakwa, rata-rata rakyat ketika ini mula mempersoalkan tindakan kerajaan itu atas dakwaan menyalahgunakan undang-undang untuk menahan mereka yang mengkritik kerajaan.

Dr. Mahathir yang sering melakukan 'serangan' peribadi ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mendakwa, sepatutnya perkara seumpama itu tidak berlaku kerana undang-undang yang dihasilkan di Parlimen adalah untuk menegakkan keadilan dan bukannya bertujuan mendiamkan pengkritik kerajaan.

"Mereka menggunakan perkataan sabotaj untuk membolehkan tindakan dikenakan terhadap kumpulan ini dengan menggunakan akta baharu ini (SOSMA). Mengam undang-undang menyekat kebebasan rakyat untuk berbuat sesuka hati tetapi dalam isu ini

Saya tidak kata, kita menentang kepimpinan tetapi ini soal menyuarakan isu pokok yang seharusnya ahli UMNO tidak wajar berdiam diri."

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Bekas Perdana Menteri

mereka tidak melakukan sesuatu yang boleh ditakrif sebagai sabotaj kepada kerajaan," dakwanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan satu mesyuarat di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Apa yang mengejutkan ia turut dihadiri Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Shahe Apdal dan Ahli Parlimen Gua Musang yang juga bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah.

Turut hadir bekas Presiden MCA, Datuk Seri Ong Tee Keat dan veteran UMNO, Tan Sri Sanusi Junid di lokasi sama.

Dalam sidang akhbar yang sama Muhyiddin berkata, beliau mengambil sikap tunggu dan Uhat berhubung komitmen kerajaan memulihkan Malaysia Development Berhad (IMDB) dalam tempoh enam bulan.

"Saya sekarang di luar kerajaan dan untuk berlaku adil biarlah kita tunggu masa tersebut. Jika boleh diselesaikan, bagus. Jika tidak akan timbul banyak implikasi lain yang boleh membawa kesan lebih besar daripada apa yang ada sekarang," katanya lagi.

Dalam perkembangan lain beliau meminta setiap ahli UMNO berani menyuarakan pandangan mereka berhubung pelbagai isu yang melanda negara ketika ini melalui platform parti termasuk Perhimpunan Agung UMNO Disember ini.

Katanya, inilah masa paling sesuai untuk mereka berbuat demikian dalam konteks menjadikan UMNO parti yang sentiasa memperjuangkan hak rakyat apatah lagi dengan kedudukannya sebagai tunjang dalam kerajaan Barisan Na-

sional (BN).

"Saya tidak kata, kita menentang kepimpinan tetapi ini soal menyuarakan isu pokok yang seharusnya ahli UMNO tidak wajar berdiam diri. Jika itu berlaku (kegagalan bersuara) negara akan berhadapan dengan masalah lebih besar. (Justeru) Inilah masa paling sesuai untuk ahli-ahli UMNO tampil ke depan" katanya lagi.

Mohd. Shahe pula berkata, kehadirannya hari ini adalah untuk memberi sokongan kepada Dr. Mahathir atas faktor membela nasib rakyat.

Beliau dalam masa sama turut mengingatkan kepada semua pihak supaya tidak menggunakan undang-undang bagi menakutkan rakyat.

Tengku Razaleigh pula mendakwa, perkembangan yang berlaku itu tidak menggambarkan semangat dan tujuan SOSMA dibawa dan diluluskan oleh Parlimen sebelum ini.

"Ramai yang menemui saya dan meminta saya menyatakan kepada kerajaan berhubung perkara yang berlaku ini. Sebenamya SOSMA adalah amat berbeza daripada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)," katanya.